

2055MST 21 12 84

D220

u B409 AAB

MAHATHIR - MCA

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 21 DIS. (BERNAMA) . . DATUK SERI DR. MAHATHIR
MOHAMAD HARIINI MENAFIKAN TELAH MENETAPKAN MASA KEPADA KEHWA DUA
KUMPULAN YANG BERSENCKETA DALAM MCA UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS
MEREKA YANG SUDAH BERADUITAN SAMPAI 10 RILIAN
PERDANA MENTERI MEMPERTAHANKAN PENDIRIANNYA BAHAWA KRISIS
TERSEBUT ADALAH URUSAN RUMAH TANGGA MCA Sambil MENEGASKAN BAHAWA
BELIAU MASIH BERHARAP KRISIS ITU AKAN DISELESAIKAN OLEH MCA SENDIRI.
SAYA TIDAK PERNAH MENETAPKAN MASA (UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS).

KITABERHARAP KRISIS ITU AKAN DISELESAIKAN TETAPI SAYA TIDAK JUGA
BERKATA (KEPADAMCA) DEM'IKIAN ATAU KELUAR ATAU APA J U G 4 SEPERTI ITU,
+ KATANYA KEPADA P A R 4 PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI LAWATAN DUA MINGGU
KELIBYA, MESIR DAN MALI DAN JUGA MENUNAIKAN UMRAH DI MEKAH.

TIDAK SEORANG PUN PEMLMPIN TERTINGGI MCA KECUALI NAIB PRESIDEN
DATUK LIEW SIPHON YANG BERADA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR DISUBANG YANG MENYAMBUK KEPULANCAN PERDANA MENTERI.
BAGAIMANAPUN, BEKAS NAIB PRESIDEN ENCIK TAN KOON SWAN HADIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGULAS KEBUNTUAN RUNDINGAN UNTUK
MENYELESAIKAN KRISIS YANG DIKENDALIKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG BARISAN
NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA, ANTARA P U A K YANG DIKETUAI OLEH PEMANGKU
PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEE PAN DENGAN P U A K YANG DIKETUAI OLEH
NAIB PRESIDEN YANG DIPECAT ENCIK TAN KOON SWAN.

SEMASA KETIAD B A N PERDANA MENTERI, PEMANGKU PERDANA MENTERI DATUK
MUSA HITAM TELAH MENCADANGKAN MCA SUPAYA MEMIKIRKAN SAMA ADA BAIK
BAGINYA KELUAR DARI BARISAN NASIONAL UNTUK SEMENTARA WAKTU BAGI
MENYELESAIKAN KRISISNYA.

KETIKA DITANYASAMA ADA BELIAU DIBERITAHU SEBELUM KENYATAAN
TERSEBUT DIBUAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN
BERUNDING DAHULU DENGAN DATUK MUSA UNTUK MENDAPATKAN GAMBARAN
SEBENAR SEBELUM MEMBUAT SEBARANG KOMEN KERANA KETIKA ITU BELIAU
BERADA DI LUAR NEGERI DAN HANYA MENGETAHUINYA MELALUI LAPORAN KHABAR
YANG DIHANTAR MELALUI TELEKS.

+ BAGAIMANAKAH SAYA DAPAT MENJAWAB SOALAN S E P E R T I ITU DI DALAM
KEADAAN SAYA SEKARANG. PERKARA S E P E R T I ITU TIDAK BOLEH DIBINCANGKAN
DIPERINGKAT LAPORAN AKHBAR, + KATANYA KETIKA MENJAWAB SATU LAGI
SOALAN SAMA ADA BELIAU MENYETUJUI CADANGAN DATUK MUSA ITU.

DATUK MUSA TELAH MENJELASKAN BAHAWA CADANGANNYA ITU BUKAN LAH
+ NOTIS KELUAR + KEPADA MCA TETAPI PUCUK PIMPINAN UMNO BERPENDAPAT ADA
LEBIH BAIK MCA BERADA DI LUAR B N B U A T SEMENTARA SEHINGGA KRISISNYA
DISELESAIKAN.

MENGENAI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB: + ITU MUNGKIN
TANGGAPANNYA TETAPI SAYA TIDAK ADA DI SINI KETIKA ITU. +

BELIAU BERKATA BELIAU HANYA MENGETAHUS PERKEMBANGAN ITU DARIPADA
LAPORAN AKHBAR. + SAYA HENDAKLAH DIBERI PELUANG BERCAKAP DENGANGA
SEBELUM MEMBUAT KOMEN. + - - LAGI.

2031MST 21 12 84

D245

U B42D AAB
MAHATHIR-MCA 3 KUALA LUMPUR

(1)

KETIKA MENJAWAB SOALANSAMA ADA BELIAU +TERPERANJAT+ MENDENGAR KENYATAAN DATUK MUSA,PERDANA MENTERI PERKATA: +TIDAK. SAYA TIDAK DAPAT MENGATAKAN SAYA TERPERANJAT. MEMANG ADA CAKAP-CAKAP MENGENAI PENKARA ITU TETAPI SETAKAT ITU SAHAJA.

+MUNGKIN ADA (CADANGAN SEUMPAMA ITU). SAYA TIDAK BEGITU MEMBERI PERHATIAN. DATUK MUSA DAN SAYA BUKAN SAUDARA KEMBAR,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN JIKA ADA PERASAAN DEMIKIAN DI KALANGAN PARAPEMIMPIN UMNO SUPAYA MCA MEMIKIRKAN KEMUNGKINAN KELUAR DARIBARISANBUAT SEMENTARA SEBELUM BELIAUMEMBUAT LAWATAN KE LUAR'NEGERI.

TETAPS BELIAU BERKATA BIRO POLITIKUMNO TIDAK MENCADAKAN MESYUARAT KHAS UNTUK MEMBINCANGKAN PENYELESAIAN KRISIS MCA SEBELUM BELIAU BERLEPAS KE LUAR NEGERI.

+TIDAK ADA MESYUARAT SEPERTI ITU. CUMA DALAM CAKAP-CAKAP SAHAJA TETAPI TSDAK ADA KEPUTUSAN SECARA RASMI.

CAWANGAN-CAWANGAN UMNO DISELURUH NEGARA MENYOKONG KENYATAAN DATUK MUSA TETAPI DATUK SERI Dr. MAHATHIR MENERANGKAN TANGGAPANNYA IALAH +APA YANG DSKATAKAN OLEHNYA (DATUK MUSA) ADALAH JUGA PERASAAN SESETENGAH ORANG.+

MENURUTNYA,CAWANGAN-CAWANGANUMNO BIASANYA MEMBERI REAKSI KEPADA LAPORAN-LAPORAN AKHBAR DAN LAPORAN-LAPQRAN AKHBAR BIASANYA DIBESAR-BESARKAN.

-- BERNAMA.

2127MST 21 12 84